

# Mahkamah Persekutuan kekalkan hukuman ke atas dua lelaki dalam kes bunuh pada 2018

**KUCHING:** Mahkamah Persekutuan di sini semalam mengekalkan hukuman penjara 35 tahun dan 15 sebatan terhadap dua lelaki yang membunuh seorang wanita berusia 58 tahun di Pulau Kerto, Sibul pada 2018.

Panel hakim diketuai Datuk Rhodzariah Bujang secara sebulat suara memutuskan bahawa tiada kesilapan yang boleh dirayu dalam keputusan Mahkamah Rayuan, selain mendapati hukuman tersebut tidak berlebihan berdasarkan fakta kes.

Beliau yang bersidang bersama Datuk Che Mohd Ruzima Ghazali dan Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali turut mengambil kira keterangan pakar forensik yang mengesahkan mangsa meninggal dunia akibat asfiksia traumatik dan lemas.

Kedua-dua lelaki terbabit, Jeeji Ting Kim Leong dari Nanga Assan dan Syahadan Othman Sabang dari Kapit, masing-masing disabitkan



**HUKUMAN KEKAL:** Kedua-dua perayu (dua dan tiga kiri) semasa berada di Kompleks Mahkamah Kuching, semalam. — Gambar Kentigern

Minggu

mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman mati atau penjara selama tempoh tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun dan jika tidak dijatuhkan hukuman mati

hendaklah dihukum sebat tidak kurang daripada 12 sebatan jika sabit kesalahan.

Mereka didakwa dengan niat bersama membunuh dengan menyebabkan kematian Ting Poh Sing, 58, di sebuah rumah tidak bernombor di Pulau Kerto, Sibul antara

jam 1 pagi dan 7.10 malam pada 27 Jun 2018.

Terdahulu, Hakim Mahkamah Tinggi Sibul pada 31 Julai 2023 menjatuhkan hukuman mati terhadap kedua-dua lelaki itu yang didapati bersalah di bawah Seksyen tersebut.

Mahkamah antara lainnya berpendapat terdapat alasan khas untuk menjatuhkan hukuman mati terhadap mereka, disebabkan tahap kecederaan yang kejam dialami mangsa.

Bagaimanapun, Mahkamah Rayuan pada 21 Oktober 2024 membenarkan rayuan kedua-dua lelaki berkenaan terhadap hukuman dihadapi mereka, dan menggantikan dengan penjara 35 tahun bermula dari tarikh tangkap pada 2018, serta 15 sebatan.

Panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim, Datuk Mohamed Zaini Mazlan dan Datuk Alwi Abd Wahab berpendapat bahawa hukuman mati seharusnya diperuntukkan bagi kes yang paling ekstrem.

Kedua-dua lelaki tersebut kemudian memfailkan rayuan di Mahkamah Persekutuan berhubung hukuman berkenaan sebelum rayuan itu ditolak semalam.

Semasa prosiding semalam, peguam lantikan mahkamah yang mewakili salah seorang perayu antara lainnya memohon agar hukuman penjara terhadap perayu dikurangkan daripada 35 tahun kepada 30 tahun, iaitu tempoh minimum yang diperuntukkan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Mohd Zain Ibrahim selaku responden memohon agar Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Rayuan kerana disifatkan sah, setimpal serta selaras dengan fakta dan keadaan kes.

Jeeji Ting diwakili peguam Jong Yee Ling sementara Syahadan diwakili peguam Simon Siah.